



THE VICE CHANCELLOR

10th November 2009

KEIKHLASAN • KECAMERL
www.unimap.edu.my

Minggu Suaikenal Pelajar Antarabangsa (Nov 2009)

- Intensive English Course (IEC)

Emilio Said

Pada 7hb hingga 10hb November 2009 yang lalu, Unit Aktiviti Pelajar & Antarabangsa, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni dengan kerjasama Pusat Hal Ehwal Pelajar Antarabangsa, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah mengadakan Minggu Suaikenal Pelajar Antarabangsa Sesi 2009/2010 pengambilan November 2009 (Intensive English Course -IEC-).

Seramai 45 orang pelajar antarabangsa dari pelbagai negara iaitu China, Somalia, Iran, Sudan dan Indonesia telah mendaftarkan diri pada sesi pendaftaran yang diadakan di Dewan Kapitol UniMAP, Kangar. Program Minggu Suaikenal (MSK) Pelajar Antarabangsa ini adalah aturcara rasmi universiti dan semua pelajar antarabangsa yang baru mendaftar sebagai siswa UniMAP adalah wajib menghadirinya

Tujuan utama program ini dilaksanakan adalah untuk memberikan maklumat serta

pendedahan awal mengenai sistem akademik universiti, disamping menerangkan dan memperkenalkan kemudahan serta perkhidmatan yang disediakan oleh universiti. Selain itu, pengisian sepanjang MSK ini juga adalah untuk memperkenalkan pegawai-pegawai utama universiti serta kakitangan-kakitangan UniMAP agar para pelajar ini lebih mengenali golongan pentadbir universiti. Pelajar-pelajar antarabangsa ini juga turut diberi penerangan mengenai visi dan misi Universiti agar mereka juga dapat memainkan peranan dalam merealisasikan visi dan misi tersebut.

Terdapat pelbagai pengisian lain sepanjang program ini dijalankan seperti pelajar-pelajar antarabangsa ini telah diberikan taklimat oleh jabatan-jabatan seperti PKKK, Jabatan Pendaftar, Kolej Kediaman, Jabatan Hal Ehwal Antarabangsa dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni.

Selain itu, mereka juga telah dibawa melawat ke Kampus Tetap UniMAP di Ulu Pauh. Pada hari terakhir Minggu Suaikenal ini dijalankan, pelajar-pelajar antarabangsa ini telah turut sama memeriahkan sesi senamrobik dan poco-poco bersama Naib Canselor UniMAP.

Sesi penutup program ini telah dirasmikan oleh Y.Bhg. Dato' Naib Canselor UniMAP pada majlis makan malam di Dewan Kapitol Kangar dan turut dimeriahkan lagi dengan kehadiran semua ketua jabatan. Dalam ucapan beliau, Y.Bhg. Dato amat mengalu-alukan semua pelajar antarabangsa sebagai warga baru UniMAP. Majlis ini telah diakhiri dengan persembahan oleh pelajar-pelajar antarabangsa ini mengikut budaya negara masing-masing. Diharap program ini dapat memberikan manfaat serta kemudahan kepada mereka sepanjang sesi pengajian mereka di UniMAP.